

PENGUASAAN KEMAHIRAN GENERIK DI KALANGAN PELAJAR  
DALAM MEMENUHI KEHENDAK INDUSRTI : IPTA DAN IPTS

PTTA LITHM  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

NAZNI HANI BINTI ARSHAD



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PERPUSTAKAAN UTHM



\*3000002103275\*



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : PENGUASAAN KEMAHIRAN GENERIK DI KALANGAN PELAJAR  
DALAM MEMENUHI KEHENDAK INDUSTRI : IPTA DAN IPTS

SESI PENGAJIAN : 2006/2007

Saya NAZNI HANI BINTI ARSHAD (810917-09-5086)  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)\* ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\*Sila tandakan ( ✓ )

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972).


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan.

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

  
(TANDATANGAN PENULIS)

  
(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:  
5, JALAN ASAM PAYA,  
TAMAN SURIANI,  
01000 KANGAR, PERLIS.

EN. AHMAD BIN ESA  
Nama Penyelia

Tarikh: 26 APRIL 2007

Tarikh: 26 APRIL 2007

- CATATAN :
- \* Potong yang tidak berkenaan.
  - \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
  - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.”

Tandatangan :   
Nama Penyelia : EN. AHMAD BIN ESA  
Tarikh : 26 APRIL 2007



PTT ALIYAHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGUASAAN KEMAHIRAN GENERIK DI KALANGAN PELAJAR DALAM  
MEMENUHI KEHENDAK INDUSTRI : IPTA DAN IPTS

NAZNI HANI BINTI ARSHAD

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional



Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

26 APRIL 2007

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : .....  .....

Nama Penulis : NAZNI HANI BINTI ARSHAD

Tarikh : 26 APRIL 2007



PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

*Khas buat ayahanda dan bonda tercinta  
Doa dan restu kalian sentiasa bersamaku hingga ke akhirnya.*

*Buat adik-beradik tersayang  
Kalian amat bermakna dalam hidupku.*

*Buat rakan-rakan seperjuangan  
Zahri, Natrah, Kak Hafsa dan semua rakan seperjuangan yang diingati  
Terima kasih di atas bantuan, kerjasama dan dorongan yang diberikan.*

*Semoga kejayaan sentiasa menjadi milik kita bersama di dunia dan akhirat, InsyaAllah.*



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNJUKU UNTUK AMINAH

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Bersyukur saya kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya maka terhasillah tesis bagi projek sarjana ini.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada En. Ahmad Bin Esa selaku penyelia saya bagi projek sarjana ini di atas bimbingan, buah fikiran dan tunjuk ajar beliau sepanjang menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada Tn. Hj. Samsudin Bin Husin, jutaan terima kasih diucapkan di atas teguran dan pandangan yang diberikan.

Sekalung penghargaan buat keluarga tersayang terutamanya mak dan ayah yang tidak pernah jemu memberikan dorongan dan perangsang kepada saya dalam menempuh pelbagai cabaran dan dugaan dengan penuh kesabaran. Tidak lupa juga kepada para pensyarah dan rakan-rakan seperjuangan yang banyak menyumbangkan idea serta membantu dalam menyiapkan projek sarjana ini. Terima kasih juga diucapkan kepada IPTA dan IPTS yang terlibat serta pihak industri. Akhir kata, terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan projek sarjana ini. Hanya Allah sahaja yang mampu membalas segala budi baik kalian.



## ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti dan membandingkan tahap penguasaan kemahiran generik di kalangan pelajar IPTA dan IPTS dalam memenuhi kehendak industri. Seramai 386 orang pelajar semester akhir Ijazah Sarjana Muda dari IPTA dan IPTS dan 2 orang wakil industri terlibat dalam kajian ini. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap kesedaran pelajar terhadap kepentingan kemahiran generik, mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran generik di kalangan pelajar IPTA dan IPTS, mengenal pasti perbezaan tahap penguasaan kemahiran generik di kalangan pelajar IPTA dan IPTS dan mengenal pasti kesesuaian antara kemahiran generik yang diperlukan majikan di industri dengan kemahiran generik yang dikuasai pelajar di IPTA dan IPTS. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik dan temu bual. Data daripada soal selidik di analisis menggunakan SPSS v. 11.0 untuk mendapatkan skor min, sisihan piawai, analisis faktor dan Ujian-t tidak bersandar. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan pelajar IPTA dan IPTS mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan kemahiran generik dengan skor min keseluruhan ialah IPTA1 = 4.54, IPTA2 = 4.48, IPTS1 = 4.27 dan IPTS2 = 4.60. Tahap penguasaan kemahiran generik di kalangan pelajar IPTA dan IPTS juga pada tahap yang tinggi dengan skor min keseluruhan bagi IPTA1 = 4.29, IPTA2 = 4.24, IPTS1 = 3.99 dan IPTS2 = 4.19. Walau bagaimanapun, hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan pada tahap penguasaan kemahiran generik di kalangan pelajar IPTA dan IPTS dengan skor min keseluruhan IPTA adalah lebih tinggi berbanding IPTS iaitu IPTA = 4.27 dan IPTS = 4.09. Oleh itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak IPTA dan IPTS mengenal pasti kemahiran generik yang dikuasai oleh pelajar mereka dan yang diperlukan oleh majikan di industri.

## ABSTRACT

This study was conducted in order to identify and compare the generic skill competency among the IPTA and IPTS' student in term of fulfill the industrial needs. There are 386 responders from final semester degree from selected IPTA and IPTS and also two respondent's representative industries. This study also conducted in order to identify the student's awareness in the generic skills, to identify their competence in the generic skill, and to identify the differential of generic skill competency between IPTA and IPTS students and requirements from the industries. Questionnaires and interview is used as the instruments. SPSS v.11.0 is used to analyze the data and was shown in the form of mean score, variance, factor analysis and independent t-test. Overall, the findings show that the students from both institutes have a high attention in term of their generic skill which the mean score are IPTA1 = 4.54, IPTA2 = 4.48, IPTS1 = 4.27 and IPTS2 = 4.60. They also have a high competency of generic skill which the mean score are IPTA1 = 4.29, IPTA2 = 4.24, IPTS1 = 3.99 dan IPTS2 = 4.19. By the way, the mean score for IPTA students is higher than the IPTS's students where IPTA = 4.27 and IPTS = 4.09. Therefore, hopefully this study's finding can help the IPTA and IPTS administration involved in order to identify the generic skills that owned by their students and the requirements from the industries as well.

## SENARAI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	
	<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	ii
	<b>HALAMAN DEDIKASI</b>	iv
	<b>PENGHARGAAN</b>	v
	<b>ABSTRAK</b>	vi
	<b>ABSTRACT</b>	vii
	<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	viii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	<b>1.1 Pengenalan</b>	1
	<b>1.2 Latar Belakang Masalah</b>	3
	<b>1.3 Pernyataan Masalah</b>	7



PETA UTHIM

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Persoalan Kajian	8
1.6	Hipotesis Kajian	9
1.7	Skop Kajian	9
1.8	Kepentingan Kajian	10
1.9	Kerangka Kajian	12
1.10	Definisi Istilah dan Operasional	13
1.11	Rumusan	14

## II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	15
2.2	Kemahiran generik	16
2.2.1	Pengertian kemahiran generik	17
2.3	Jenis-jenis kemahiran generik	20
2.4	Kepentingan kemahiran generik	34
2.5	Kemahiran Generik di IPT	35
2.6	Kemahiran Generik di Industri	41
2.7	Sorotan Kajian	43
2.8	Rumusan	45

## III METODOLOGI

3.1	Pengenalan	46
3.2	Reka Bentuk Kajian	47
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	47
3.4	Instrumen	48
3.4.1	Soal Selidik	49

3.4.2	Temu Bual	49
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	50
3.6	Kajian Rintis	50
3.7	Analisis Data	52
3.8	Kerangka Kerja	54
3.9	Andaian Kajian	55

#### IV ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	56
4.2	Demografi Responden	57
4.3	Tahap Kesedaran Pelajar Terhadap Kepentingan Kemahiran Generik	58
4.4	Tahap Penguasaan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar IPTA Dan IPTS	59
4.4.1	Analisis Faktor	60
4.4.2	Kemahiran Kepimpinan	67
4.4.3	Kemahiran Pengurusan	69
4.4.4	Kemahiran Membuat Keputusan	71
4.4.5	Kemahiran Komunikasi	73
4.4.6	Kemahiran Mentafsir	75
4.4.7	Kemahiran Membuat Penilaian	76
4.4.8	Kemahiran Interpersonal	78
4.4.9	Kemahiran Penyelesaian Masalah	79
4.4.10	Kemahiran Inisiatif	81
4.4.11	Etika dan Moral Profesional	83
4.4.12	Kemahiran Berbahasa Melayu	85
4.4.13	Kemahiran Bekerja dalam Kumpulan	86
4.4.14	Kemahiran Potensi Diri	87
4.4.15	Kemahiran Membuat Perancangan	89

4.4.16	Kemahiran Berbahasa Inggeris	90
4.4.17	Kemahiran Keusahawanan	90
4.4.18	Keseluruhan Kemahiran Generik Yang Dikenalpasti Di IPT	91
4.5	Perbezaan Penguasaan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar IPTA Dan IPTS	93
4.6	Kesesuaian antara kemahiran generik yang diperlukan majikan di industri dengan yang dikuasai pelajar di IPTA dan IPTS	95
4.7	Rumusan	99

## V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	101
5.2	Perbincangan	102
5.2.1	Tahap Kesedaran Pelajar IPTA Dan IPTS Terhadap Kepentingan Kemahiran Generik.	103
5.2.2	Tahap Penguasaan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar IPTA Dan IPTS	105
5.2.2.1	Kemahiran Kepimpinan	105
5.2.2.2	Kemahiran Pengurusan	106
5.2.2.3	Kemahiran Membuat Keputusan	107
5.2.2.4	Kemahiran Komunikasi	109
5.2.2.5	Kemahiran Mentafsir	109
5.2.2.6	Kemahiran Membuat Penilaian	110
5.2.2.7	Kemahiran Interpersonal	111
5.2.2.8	Kemahiran Penyelesaian Masalah	112

5.2.2.9	<b>Kemahiran Inisiatif</b>	113
5.2.2.10	<b>Etika dan Moral Profesional</b>	114
5.2.2.11	<b>Kemahiran Berbahasa Melayu</b>	115
5.2.2.12	<b>Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan</b>	116
5.2.2.13	<b>Kemahiran Potensi Diri</b>	117
5.2.2.14	<b>Kemahiran Membuat Perancangan</b>	118
5.2.2.15	<b>Kemahiran Berbahasa Inggeris</b>	118
5.2.2.16	<b>Kemahiran Keusahawanan</b>	119
5.2.2.17	<b>Keseluruhan Kemahiran Generik Yang Dikenalpasti Di IPT</b>	120
5.2.3	<b>Perbezaan Penguasaan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar IPTA Dan IPTS</b>	122
5.2.4	<b>Kesesuaian antara kemahiran generik yang diperlukan majikan di industri dengan yang dikuasai pelajar di IPTA dan IPTS</b>	125
5.3	<b>Rumusan</b>	128
5.4	<b>Cadangan dan Saranan</b>	131
5.4.1	<b>Cadangan kepada pelajar IPTA dan IPTS</b>	131
5.4.2	<b>Cadangan kepada pihak IPTA</b>	132
5.4.3	<b>Cadangan kepada pihak IPTS</b>	132
5.4.4	<b>Cadangan kepada kajian akan Datang</b>	132
5.5	<b>Penutup</b>	133
	<b>Rujukan</b>	135
	<b>Lampiran</b>	146



PERPUSTAKAAN TUNKU TUNJUKU AMINAH

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Istilah lain bagi kemahiran generik dan ciri-cirinya	18
2.2	Senarai kemahiran generik dalam setiap set kemahiran	30
2.3	Set kemahiran dan ciri-cirinya	31
2.4	Rangka kerja kemahiran generik	32
4.1	Taburan sampel berdasarkan jantina dan IPT	
4.2	Skor Min bagi tahap kesedaran pelajar IPTA dan IPTS terhadap kepentingan kemahiran generik	59
4.3	Komunaliti dan Nilai Eigen	60
4.4	Komponen Matriks Faktor	63
4.5	Faktor dan pembahagian item	66
4.6	Skor min bagi kemahiran kepimpinan	67
4.7	Skor min bagi kemahiran pengurusan	70
4.8	Skor min bagi kemahiran membuat keputusan	72
4.9	Skor min bagi kemahiran komunikasi	74
4.10	Skor min bagi kemahiran mentafsir	75



NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
4.11	Skor min bagi kemahiran membuat penilaian	77
4.12	Skor min bagi kemahiran interpersonal	78
4.13	Skor min bagi kemahiran penyelesaian masalah	80
4.14	Skor min bagi kemahiran inisiatif	82
4.15	Skor min etika dan moral profesional	84
4.16	Skor min bagi kemahiran berbahasa Melayu	85
4.17	Skor min bagi kemahiran bekerja dalam kumpulan	86
4.18	Skor min bagi kemahiran potensi diri	88
4.19	Skor min bagi kemahiran membuat perancangan	89
4.20	Skor min bagi kemahiran berbahasa Inggeris	90
4.21	Skor min bagi kemahiran keusahawanan	91
4.22	Skor min bagi keseluruhan kemahiran generik yang dikenal pasti di IPT	92
4.23	Hasil Ujian-t bagi perbezaan penguasaan kemahiran generik di kalangan pelajar IPTA dan IPTS	94



## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	146
B	Analisis Kajian Rintis	156
C	Analisis Data Bahagian B	160
D	Analisis Faktor	162
E	Analisis Data Bahagian C	167
F	Maklumat Temu Bual Dengan Wakil Industri	197
G	Borang Semakan Soal selidik	
H	Borang Permohonan Mengedarkan Soal Selidik	



**SENARAI SINGKATAN**

IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	-	Institut Pengajian Tinggi Swasta
UUM	-	Universiti Utara Malaysia
UiTM	-	Universiti Teknologi MARA.
UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Ekonomi Malaysia sedang menghadapi persekitaran dan saingan global yang kian mencabar. Para pekerja di semua sektor kini perlu sentiasa mempersiapkan diri dan meningkatkan keterampilan, terutamanya dalam menguasai pengetahuan dan kemahiran baru bagi memenuhi keperluan industri yang kian berubah. Keperluan utama selain daripada penguasaan ilmu dan kemahiran teknikal yang diperolehi di institusi pengajian tinggi atau institusi latihan adalah penguasaan kemahiran generik. Penguasaan kemahiran ini adalah penting bagi memastikan Malaysia mempunyai sumber tenaga yang berketerampilan dan mampu bersaing secara aktif dalam menghadapi *k-ekonomi* dan globalisasi.

Peningkatan jumlah penduduk tempatan dengan kadar 2.2 peratus setahun hingga mencecah 28.9 juta orang menjelang 2010 juga bakal mewujudkan ketidakseimbangan guna tenaga dalam pasaran kerja. Jumlah tenaga kerja dijangka meningkat sebanyak 3.1

peratus setahun atau tambahan 3.3 juta orang dalam tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001 – 2010 (RRJP3) iaitu mencapai 12.9 juta orang pada 2010. Pertambahan tenaga kerja ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam kumpulan umur bekerja dan peningkatan kadar penyertaan tenaga kerja daripada 65.5 peratus pada tahun 2000 kepada 68.1 peratus pada tahun 2010. Dengan meningkatnya peratusan tenaga kerja yang mempunyai pendidikan peringkat tertiar sebanyak 35.0 peratus, maka tenaga kerja akan mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi. Berdasarkan jangkaan ini, graduan berhadapan dengan persaingan mendapatkan pekerjaan pada abad ke-21 kerana berlaku lebih graduan berbanding peluang pekerjaan yang ditawarkan. Oleh itu akan berlakulah persaingan antara graduan kedua-dua institusi pengajian tinggi IPTA dan IPTS dalam mendapatkan pekerjaan (Kerajaan Malaysia, 2001).

Pendidikan merupakan jentera yang paling penting dalam pembangunan sesebuah negara. Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) merupakan institusi-institusi yang menghasilkan pekerja separa mahir dan mahir dalam pelbagai bidang bagi memastikan kesinambungan bekalan tenaga manusia yang mempunyai tahap pengetahuan, kemahiran teknikal dan kemahiran berfikir yang tinggi. Namun begitu, graduan yang hanya menguasai kemahiran teknikal dan pengetahuan yang luas dalam bidang pengajian sahaja tidak memadai, sebaliknya lepasan IPTA dan IPTS juga perlu menguasai kemahiran generik seiring dalam menghadapi *k-ekonomi* dan globalisasi. Ini bertepatan dengan usaha kerajaan untuk menyediakan tenaga kerja berpengetahuan, berkemahiran sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu antara kandungannya adalah bagi melahirkan individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Kemahiran generik adalah satu kemahiran umum yang boleh digunakan dalam banyak pekerjaan dan tidak mengkhusus kepada sesuatu pekerjaan atau industri sahaja iaitu dari peringkat bawahan sehingga ke peringkat atasan (Ahmad, *et. al.* 2004; Mohd. Zaki, 2004; Cotton, 2001). Tahap penguasaan kemahiran ini akan menentukan

bagaimana seseorang menyelesaikan masalah, menulis laporan, berfungsi dalam kumpulan, mempelajari pengetahuan baru dan menguruskan tekanan apabila mereka perlu mengendalikan sesuatu perubahan dengan jayanya (Mohd. Zaki, 2004).

Jangka hayat pengetahuan dan kemahiran teknikal dalam sesuatu bidang pengkhususan yang singkat memerlukan pelajar dilengkapi dengan kemahiran generik. Ini kerana ilmu yang diperoleh pelajar semasa tempoh pengajiannya belum tentu boleh diaplikasikan dalam dunia pekerjaan yang bakal ditempuhinya. Oleh sebab itu, graduan perlu dilengkapi dengan kemahiran generik supaya pelajar mempunyai inisiatif untuk mencari dan menguasai ilmu baru yang sesuai dengan apa yang diperlukan di tempat kerja. Dengan demikian, graduan yang dihasilkan dapat bersaing dalam pasaran kerja yang sentiasa berubah. Penguasaan kemahiran generik ini akan memastikan seseorang individu untuk terus relevan dan mampu bersaing dalam era globalisasi yang penuh cabaran. Kemahiran generik juga sangat berguna kepada graduan universiti kerana kemahiran generik merupakan satu set kemahiran yang diperlukan dalam dunia pekerjaan (Kwok, 2004; Gibb dan Curtin, 2004). Oleh yang demikian, di samping berusaha keras untuk mendapatkan ijazah, para pelajar juga perlu melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum dan mencari pengalaman kerja seperti menjalani latihan industri dalam membina kemahiran bagi mempersiapkan diri menghadapi dunia pekerjaan atau dengan kata lain bagi memenuhi kehendak industri dalam mendapatkan pekerjaan.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Graduan kekurangan kemahiran generik merupakan satu isu global. Isu ini bukan sahaja diperbincangkan di Malaysia malah sering juga diperbincangkan di luar negara. Kemahiran generik ini sangat diperlukan di dalam mahupun di luar negara bagi

memastikan sumber tenaga manusia yang dikeluarkan di setiap institusi pengajian tinggi bukan sahaja memiliki kemahiran teknikal tetapi juga mampu menghadapi apa jua cabaran dan perubahan dalam dunia pekerjaan. Menurut Cotton (2001), majikan tidak risaukan kemahiran teknikal yang dimiliki graduan tetapi apa yang mereka risaukan adalah mendapatkan pekerja yang mempunyai kemahiran bukan teknikal atau kemahiran generik yang baik. Para majikan di seluruh dunia mendapati kebanyakan pemohon yang memohon pekerjaan pada masa kini kurang kemahiran generik. Walau bagaimanapun, mendapatkan pekerja yang mempunyai kemahiran generik yang dapat membantu mereka menempatkan diri dalam persekitaran kerja yang sebenar adalah sesuatu yang sukar kepada pihak majikan (Mohd Zaki, 2004; Robinson, 2000). Memiliki sekeping ijazah sahaja tidak mencukupi. Majikan kini melihat lebih daripada sekadar kemahiran teknikal dan pengetahuan dalam bidang yang telah dipelajari. Mereka mementingkan pekerja yang mempunyai kemahiran seperti kemahiran komunikasi, bekerja secara berkumpulan dan menyelesaikan masalah (ACCI, 2002; Graduate Ltd. , 2006; Zainudin, *et. al.* 2005). Oleh itu, para majikan mengharapkan institusi-institusi pengajian tinggi dapat memberi penekanan dalam membangunkan kemahiran generik ini di kalangan pelajar mereka. Dengan pendidikan dan latihan yang tersusun, tenaga manusia dapat dilatih dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam industri.

Berdasarkan kajian yang dijalankan di luar negara oleh ACNeilson Research Services (2000) dan Allen Consulting Group (2000) didapati bahawa kemahiran generik yang diperlukan oleh majikan adalah seperti berikut iaitu termasuklah kemahiran interpersonal yang berkait dengan komunikasi perniagaan, bekerja secara berpasukan dan membina perhubungan dan rangkaian. Majikan juga menyatakan sifat-sifat peribadi yang penting iaitu pekerja mesti mempunyai keinginan untuk belajar dan mengaplikasikan apa yang dipelajari (Dawe, 2002).

Merujuk kepada Dawe (2002), biasanya pihak majikan yang ingin mengambil pekerja baru akan melihat kepada persembahan, personaliti dan sikap pekerja tersebut.

Ini kerana, berdasarkan pengalaman yang telah mereka lalui bersama para pekerja didapati bahawa nilai, sikap dan personaliti adalah perkara yang sukar untuk diubah. Oleh sebab itu, pihak majikan percaya adalah lebih senang mengambil pekerja yang mempunyai nilai, sikap dan personaliti seperti yang mereka inginkan manakala pengetahuan dan kemahiran yang spesifik tentang pekerjaan pula boleh dipelajari semasa bekerja.

Pendidikan yang berbeza akan melahirkan manusia yang berbeza khususnya dari perubahan sikap, tingkah laku berfikir dan cara hidup. Menurut Kementerian Sumber Manusia (2001) dalam Zainudin, *et. al.* (2005), antara faktor graduan tidak mendapat pekerjaan di industri adalah disebabkan majikan masa kini yang memerlukan kemahiran generik dari segi keperibadian, penampilan, keyakinan diri, mahir berkomunikasi dan mampu membuat keputusan dengan pantas di samping pengetahuan akademik tetapi graduan hari ini tidak mampu melaksanakannya menyebabkan mereka tidak diterima bekerja.

Di Malaysia, majikan kini melihat kepada graduan yang menunjukkan daya usaha dan keazaman untuk berjaya, bukan yang mengambil jalan mudah dalam kerjaya mereka. Antara aset penting dalam pasaran kerja dan industri di Malaysia kini termasuklah kemahiran komputer, kemahiran komunikasi, keterampilan bahasa (bahasa Inggeris, Mandarin, Jepun dan Bahasa Melayu), kemahiran interpersonal, fleksibel, adaptibiliti, analitik, inisiatif, kepimpinan, keyakinan diri dan bekerja secara berkumpulan (Henwood, 2006; Zainudin, *et. al.* 2005).

Graduan kejuruteraan pada masa kini tidak mempunyai masalah atau kekurangan dalam kemahiran teknikal atau pemahaman tentang sains, matematik dan fizik, tetapi para graduan kini kurang berketerampilan dalam kemahiran generik yang dapat



membantu mereka menggunakan kemahiran teknikal yang mereka miliki dengan lebih efektif (Mohd. Zaki, 2004).

Pertambahan bilangan graduan disamping terhadnya peluang pekerjaan, menyebabkan persaingan mendapatkan pekerjaan semakin sulit. Oleh itu, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang merupakan salah sebuah IPTA, berusaha untuk meningkatkan kemahiran generik di kalangan graduannya dengan melaksanakan beberapa strategi iaitu memantapkan lagi pelaksanaan penerapan kemahiran generik dalam pengajaran dan pembelajaran, memastikan semua graduan UTM memiliki sekurang-kurangnya sijil kursus pendek yang memberikan kemahiran khusus yang berguna untuk pasaran kerja dan memiliki transkrip yang informatif iaitu boleh memberikan maklumat terhadap ilmu, kemahiran dan sikap yang dimiliki graduan. Ini mungkin membantu seseorang graduan dalam bersaing untuk mendapatkan pekerjaan. UTM juga telah menetapkan kemahiran dan nilai yang perlu diterapkan untuk graduannya sebagai melengkapi diri ke pasaran kerjaya di samping kemahiran tenikal pengkhususan masing-masing. Di antara kemahiran tersebut ialah kemahiran komunikasi, bekerja dalam kumpulan, penyelesaian masalah, mampu menyesuaikan diri, pembelajaran sepanjang hayat, keyakinan diri dan etika atau moral (Mohd. Zaki, 2004; Buletin P&P [Versi Elektronik], UTM Jun 2004).

Di sini dapatlah kita lihat bahawa kemahiran generik ini adalah perlu untuk mendapatkan pekerjaan dan untuk mengembangkan kerjaya secara berterusan. Malah, di tempat kerja juga kemahiran generik adalah merupakan ciri utama dalam proses pengambilan pekerja dan penghuraian kerja. Kemahiran generik ini juga penting kepada seseorang pekerja untuk meningkatkan kerjaya serta ekonomi negara sekaligus menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian yang berdaya saing.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Kemahiran yang sesuai adalah merupakan satu pengukuran penting bagi seseorang pelajar menghadapi cabaran kerjaya dimasa akan datang. Terdapat sebanyak 59 250 siswazah IPTA dan IPTS yang masih menganggur, bekerja sementara dan mempunyai pekerjaan yang tidak setara dengan kelayakan masing-masing pada tahun 2005 (Abdul Rahman, 2006). Institusi pengajian tinggi baik IPTA mahupun IPTS seharusnya memainkan peranan penting dalam memastikan graduan dilengkapi dengan pakej yang lengkap sama ada dari segi akademik atau sahshiah. Sebagai contoh, graduan Teknologi Maklumat (IT) atau Sains Komputer di IPTA dikatakan tidak mempunyai kemahiran interpersonal atau komunikasi, kemahiran keusahawanan dan pengaturcaraan (Mohd Feroz, 2003). Universiti perlu menyesuaikan program pengajian mereka dengan keperluan kerjaya agar graduan mampu bersaing di pasaran kerja (Mohd Izani, 2006).

Dari segi kebolehkerjaan, graduan IPTS dilengkapi dengan keperluan semasa pasaran kerjaya terutama dari segi perkembangan teknologi serta penguasaan kemahiran dan pengetahuan bagi memastikan graduan yang dilahirkan mempunyai nilai tambah dan daya saing di pasaran (Mohd Shukri Ab Yajid, 2006). Sementara Kori Ariff (2006) dan Syuhada Choo Abdullah (2006) menyatakan bahawa graduan IPTA juga dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan oleh majikan.

Justeru, keperluan terhadap keterampilan kemahiran generik amat perlu diberi perhatian. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti dan membandingkan tahap penguasaan kemahiran generik pelajar IPTA dan IPTS yang bersesuaian dengan keperluan industri.

#### 1.4 Objektif Kajian

- a. Mengenal pasti tahap kesedaran pelajar IPTA dan IPTS terhadap kepentingan kemahiran generik.
- b. Mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran generik di kalangan pelajar IPTA dan IPTS.
- c. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan penguasaan kemahiran generik di kalangan pelajar IPTA dan IPTS.
- d. Mengenal pasti kesesuaian antara kemahiran generik yang diperlukan majikan di industri dengan kemahiran generik yang dikuasai pelajar di IPTA dan IPTS.

#### 1.5 Persoalan Kajian

- a. Sejauh manakah tahap kesedaran pelajar IPTA dan IPTS terhadap kepentingan kemahiran generik?
- b. Sejauh manakah tahap penguasaan kemahiran generik di kalangan pelajar IPTA dan IPTS?
- c. Adakah terdapat perbezaan penguasaan kemahiran generik di kalangan pelajar IPTA dan IPTS?
- d. Sejauh manakah kesesuaian antara kemahiran generik yang diperlukan majikan di industri dengan kemahiran generik yang dikuasai pelajar di IPTA dan IPTS?



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## 1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian adalah seperti berikut:

- Ho : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap penguasaan kemahiran generik di kalangan pelajar IPTA dan IPTS.
- Ha : Terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap penguasaan kemahiran generik di kalangan pelajar IPTA dan IPTS.

## 1.7 Skop Kajian

Kemahiran generik merupakan satu kemahiran umum yang dimiliki oleh setiap orang. Oleh itu, skop bagi kajian yang telah dijalankan ini adalah seperti berikut:

### a. Geografi

- i) Kajian ini akan dijalankan hanya di Semenanjung Malaysia.
- ii) Sebanyak 2 buah IPTA dan 2 buah IPTS telah dipilih. Pemilihan ini dibuat secara rawak kerana dipercayai bahawa semua universiti yang dipilih ini adalah setaraf untuk tujuan kajian. Maka, tidak kira di mana jua pelajar belajar dijangkakan akan memberi keputusan yang sama.

iii) Sebanyak 2 buah industri akan terlibat dalam kajian ini.

Jenis industri dan kawasan industri yang akan terlibat dalam kajian tidak dihadkan kerana mengandaikan kemahiran generik adalah perlu dalam semua jenis industri.

**b. Responden**

i) Pelajar semester akhir.

Pelajar semester akhir dipilih kerana mereka adalah golongan yang bakal menempuhi alam pekerjaan dan dijangka telah mempunyai banyak pengalaman dan kemahiran semasa tempoh belajar.

ii) Pegawai sumber manusia

Pegawai sumber manusia dipilih sebagai responden kerana mereka merupakan pegawai yang terlibat dalam pengurusan pengambilan dan pemberhentian pekerja di industri.

**1.8 Kepentingan Kajian**

Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada :

**a) Pihak majikan**

Kajian ini dapat memberi peluang kepada pihak majikan untuk memberikan input sebenar berkenaan kemahiran generik yang diperlukan

di dalam industri. Dengan itu, pihak majikan tidak perlu lagi memperuntukkan kos yang banyak sekadar untuk memberikan latihan asas kepada graduan yang baru bekerja dan secara tidak langsung dapat mengurangkan beban kepada pihak industri itu sendiri.

**b) Pihak pengurusan IPTA dan IPTS**

Diharapkan kajian ini dapat memberi maklumat kepada pihak institusi pengajian tinggi tentang kemahiran generik yang diperlukan oleh pihak industri dan memberi maklumat baru berkenaan kemahiran generik yang dikuasai oleh pelajar mereka sekaligus mengatasi masalah penganguran di kalangan graduan memandangkan kemahiran ini sangat ditekankan oleh pihak majikan pada masa kini.


**c) Ibu bapa dan Masyarakat**

Kajian ini diharapkan dapat mengubah tanggapan ibu bapa dan masyarakat terhadap kebolehan dan keupayaan institusi pengajian tinggi lebih-lebih lagi IPTS dalam memberikan ilmu dan kemahiran yang terbaik kepada anak-anak mereka.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## 1.9 Kerangka Kajian



## 1.10 Definisi Istilah dan Operasional

### Penguasaan

Merujuk kepada Kamus Dewan (2005), penguasaan adalah bermaksud kecekapan atau kepandaian dalam sesuatu perkara. Dalam konteks kajian ini, penguasaan merujuk kepada kemampuan pelajar menguasai kemahiran generik dan berupaya mengaplikasikannya dalam dunia pekerjaan.

### Kemahiran generik

Kemahiran generik merupakan kemahiran umum, kualiti, kebolehan dan ciri yang membolehkan seseorang berfungsi dan memberikan sumbangan secara efektif dalam menyelesaikan masalah, berkomunikasi, berfikir secara kreatif dan kritis, serta bertindak sebagai anggota kerja berpasukan yang berkesan (Kementerian Pengajian Tinggi, 2006). Dalam kajian ini, kemahiran generik dilihat sebagai kemahiran yang perlu dimiliki oleh para pelajar dan graduan iaitu kemahiran generik yang selari dengan kemahiran yang diperlukan oleh industri.

### IPTA dan IPTS

IPTA dan IPTS masing-masing merupakan Institusi Pengajian Tinggi yang terdapat di Malaysia. Dalam kajian ini, IPTA (Institusi Pengajian Tinggi Awam) dan IPTS (Institusi Pengajian Tinggi Swasta) masing-masing merujuk kepada dua buah universiti awam dan swasta yang setaraf serta perlu mempunyai elemen teknikal dan boleh mewakili IPTA dan IPTS yang lain.



## Industri

*Encyclopedia Americana* (1984) mendefinisikan industri sebagai sekumpulan perusahaan yang menghasilkan barang atau utiliti yang sama. Sebagai contoh industri automobil, ternakan atau perbankan. Setiap industri berasaskan kepada pengkhususan buruh : sekumpulan individu yang pakar dalam bidang tertentu yang berusaha memperbaiki kemahiran dan keefisienan bagi menyediakan barang atau perkhidmatan yang tertentu. *The New Encyclopedia* (1993) pula mendefinisikan industri sebagai perusahaan berskala besar yang menghasilkan produk untuk pengeluaran secara besar-besaran untuk memperoleh pendapatan. Dalam konteks kajian ini, industri adalah mewakili perusahaan yang berskala besar iaitu yang mempunyai pekerja yang mahir dan beroperasi di Malaysia.

Oleh itu, tajuk kajian saya “Penguasaan Kemahiran Generik Di kalangan Pelajar Dalam Memenuhi Kehendak Industri : IPTA dan IPTS,” bermaksud membandingkan tahap penguasaan kemahiran generik antara pelajar IPTA dan IPTS dalam memenuhi keperluan pihak industri.

### 1.1 Rumusan

Dalam Bab Pertama ini, perbincangan adalah meliputi pengenalan kajian, latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian, kerangka teori dan definisi istilah dan operasional. Dalam bab yang seterusnya iaitu Bab Kedua, fokus adalah kepada penghuraian kajian literatur berkaitan dengan kajian yang akan dilakukan.

## BAB II

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Perkembangan teknologi dan arus globalisasi menjanjikan persaingan yang sangat hebat. Dalam memenuhi keperluan *k-ekonomi* dan globalisasi, Malaysia perlu mengubah aktiviti ekonomi kepada industri berteknologi tinggi dan berasaskan pengetahuan. Persiapan dan persediaan yang mencukupi akan memastikan sesebuah negara bukan sahaja dapat terus bertahan malah mampu untuk bersaing dan mencapai apa yang dikehendaki. Daya saingan dan produktiviti industri bergantung pula kepada kewujudan tenaga kerja yang berpendidikan, mahir, berketerampilan dan bermotivasi tinggi yang menjadi aset utama bagi merealisasikan hasrat ini atau kini diistilahkan sebagai pekerja berpengetahuan.

Menurut Lasonen (2000), pekerja berpengetahuan merupakan pekerja yang mampu memahami dan menghadapi perubahan-perubahan yang dihasilkan daripada ekonomi berintensifkan pengetahuan. Ini menunjukkan bahawa pekerja kini bukan

sahaja perlu menguasai pengetahuan dan kemahiran teknikal dalam bidang yang khusus tetapi juga menguasai kemahiran generik untuk menjalankan tugas dengan lebih efektif seterusnya memastikan sesebuah organisasi terus mampu bersaing secara lebih global. Menyedari hakikat ini, institusi pengajian tinggi seharusnya memberi perhatian yang lebih serius dalam menggarap dan memperkembangkan kemahiran generik pelajar dalam menyediakan pekerja berpengetahuan yang sangat diperlukan negara. Ini kerana antara kelemahan graduan termasuklah tidak berketerampilan dan tidak memiliki kemahiran khususnya kemahiran generik sepertimana yang dituntut oleh majikan di samping pasaran kerja yang kompetitif (Kementerian Pengajian Tinggi, 2006).

## 2.2 Kemahiran generik

Kemahiran ialah kebolehan untuk melakukan satu tugas yang spesifik (Commonwealth Department of Education Science & Training, 2002). Kemahiran merupakan satu aspek penting bagi setiap individu dan pelajar terutamanya apabila menempoh dunia pekerjaan di masa hadapan dan juga dari masa ke semasa. Salah satu kemahiran yang diperlukan pelajar dalam menghadapi cabaran alam kerjaya kelak ialah kemahiran generik. Kemahiran generik merupakan salah satu kemahiran yang diperlukan oleh pelajar dalam membantu mereka menempatkan diri dalam persekitaran kerja yang sebenar selain memiliki kemahiran teknikal. West (2000) melaporkan fakta yang dikemukakan oleh *Employment Department* (1989), iaitu kemahiran generik adalah diperlukan dalam semua sektor pekerjaan. Antara kemahiran tersebut ialah komunikasi, penyelesaian masalah, mencipta peluang, pemikiran kritikal, mengambil risiko, kerjasama kumpulan, mengurus sumber, bertanggungjawab terhadap pembangunan personal dan sentiasa belajar.

### 2.2.1 Pengertian kemahiran generik

Menurut Ahmad, *et. al.* (2004), Mohd. Zaki (2004) dan Cotton (2001), kemahiran generik adalah satu kemahiran umum yang boleh digunakan dalam banyak pekerjaan dan tidak mengkhusus kepada sesuatu pekerjaan atau industri sahaja iaitu dari peringkat bawahan sehingga ke peringkat atasan.

Ensiklopedia Global (2001) pula mendefinisikan generik sebagai sesuatu yang umum atau ciri-ciri khusus yang dimiliki oleh sesuatu golongan.

Kementerian Pengajian Tinggi (2006) menyatakan kemahiran generik merupakan kemahiran umum, kualiti, kebolehan dan ciri yang membolehkan seseorang berfungsi dan memberikan sumbangan secara efektif dalam menyelesaikan masalah, berkomunikasi, berfikir secara kreatif dan kritis, serta bertindak sebagai anggota kerja berpasukan yang berkesan.

Australian Chamber of Commerce and Industry (2002) mendefinisikan kemahiran generik yang juga dikenali sebagai *employability skills*, *capabilities* atau *key competencies* sebagai kemahiran yang bukan sahaja di perlukan untuk mendapatkan pekerjaan tetapi juga untuk kemajuan dalam sesebuah syarikat bagi mencapai hala tuju syarikat dengan jayanya.

Menurut Kearns (2001), kemahiran generik merupakan satu kemahiran yang digunakan dalam pelbagai bidang pekerjaan. Kemahiran tersebut bukan sahaja merangkumi *key competencies* atau *key skills* tetapi melebihi daripada itu, iaitu termasuk juga kognitif, personal dan kemahiran interpersonal yang berkaitan dengan pekerjaan.

NCVER (2003) pula mendefinisikan kemahiran generik sebagai suatu kemahiran yang berkaitan dengan pelbagai jenis pekerjaan dan konteks kehidupan. Kemahiran generik ini juga dikenali dengan beberapa nama termasuklah, *key skills*, *core skills*, *essential skills*, *key competencies*, *necessary skills*, *transferable skills* and *employability skills*. Walau bagaimanapun, istilah *employability skills* lebih disukai oleh industri.

Gibb dan Curtin (2004), juga menyatakan kemahiran generik dikenali dengan pelbagai istilah lain iaitu *core skills*, *key skills*, *essential skills*, *basic skills* dan *workplace know-how*.

Di samping itu, kemahiran ini juga dikenali dengan istilah yang berbeza oleh beberapa buah negara. Jadual 2.1 di bawah menerangkan ciri-ciri kemahiran generik daripada sudut pandangan beberapa buah negara (NCVER, 2003).

**Jadual 2.1 : Istilah lain bagi kemahiran generik dan ciri-cirinya**

Negara	Istilah	Kemahiran
United Kingdom	Kemahiran Teras ( <i>Core Skills</i> ), <i>Kemahiran Utama (Key Skills)</i> , <i>Kemahiran Biasa (Common Skills)</i> .	-Komunikasi. -Kefahaman asas terhadap sains dan matematik. -Menggunakan teknologi maklumat. -Bekerja dengan orang lain. -Memperbaiki pelaksanaan dan pembelajaran sendiri. -Penyelesaian masalah.
New Zealand	Kemahiran Perlu ( <i>Essential skills</i> ).	-Maklumat. -Komunikasi. -Pengurusan diri. -Bekerja dan belajar. -Sosial. -Angka. -Penyelesaian masalah. -Membuat keputusan.

**Jadual 2.1 (sambungan) : Istilah lain bagi kemahiran generik dan ciri-cirinya**

Negara	Istilah	Kemahiran
Australia	Kemahiran Utama ( <i>Key competencies</i> ), Kemahiran Boleh Kerja ( <i>Employability skills</i> ), Kemahiran Generik ( <i>generic skills</i> ).	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Mengumpul, menganalisis dan menyusun maklumat.</li> <li>-Komunikasi idea dan maklumat.</li> <li>-Merancang dan mengelola aktiviti.</li> <li>- Bekerja dengan orang lain dan kumpulan.</li> <li>-Mengguna idea dan teknik matematik.</li> <li>-Penyelesaian masalah.</li> <li>-Menggunakan teknologi.</li> </ul>
Canada	<i>Kemahiran Boleh Kerja (Employability skills)</i> .	<p><b>-Kemahiran asas:</b> Komunikasi, pengurusan maklumat, menggunakan nombor, penyelesaian masalah.</p> <p><b>-Kemahiran pengurusan peribadi:</b> Menunjukkan sikap yang positif, bertanggungjawab, boleh</p>
		<p>menyesuaikan diri, belajar secara berterusan, bekerja secara selamat.</p> <p><b>-Kemahiran berpasukan:</b> Bekerja dengan orang lain, melibatkan diri dalam tugas atau projek.</p> <p>-Mempunyai sikap yang terpuji, integriti dan bertanggungjawab.</p>
United States	<i>Kemahiran Asas (Basic skills)</i> , <i>Kemahiran Perlu (necessary skills)</i> , <i>Kemahiran di Tempat bekerja (workplace know-how)</i> .	<p><b>-Kemahiran asas:</b> Literasi, kefahaman asas terhadap sains dan matematik, komunikasi.</p> <p><b>-Kemahiran berfikir tinggi:</b> Menyesuaikan dengan perubahan, menyelesaikan masalah, kreativiti, membuat keputusan, belajar cara belajar.</p> <p><b>-Kemahiran berpasukan dan interpersonal:</b> Komunikasi, kerjasama, perundingan, kepimpinan, dan berurusan dengan pelbagai perkara.</p> <p><b>-Ciri-ciri peribadi dan sikap:</b> Jujur, ada matlamat, nilai positif.</p>

Sumber : National Centre for Vocational Education Research Ltd. (2003).

Smith dan Comym (2003) dan NCVET (2003) turut mengemukakan istilah *Critical Enabling Skills* yang digunakan di Singapura iaitu melibatkan kemahiran literasi, komunikasi pendengaran dan lisan, keberkesanan personel, keberkesanan kumpulan, kreatif dan penyelesaian masalah, kemahiran belajar, keberkesanan organisasi dan kepimpinan. Selain itu, mereka turut melaporkan beberapa istilah lain mengikut negara iaitu Perancis (*Transferable competencies*), Jerman (*Key qualifications*), Denmark (*Process independent qualifications*), Itali (*Transversal competencies*), Belanda (*Core competencies*), Finland (*Framework for evaluating educational outcomes*) dan Switzerland (*Trans-disciplinary goals*).

Berdasarkan definisi-definisi yang telah dinyatakan dapatlah disimpulkan bahawa kemahiran generik adalah satu kemahiran umum yang diperlukan oleh semua individu pekerja atau bakal pekerja dan boleh digunakan dalam pelbagai bidang pekerjaan iaitu daripada pekerja biasa sehingga ke pekerja peringkat atasan.

### 2.3 Jenis-jenis kemahiran generik

Dalam membincangkan tentang kemahiran generik ini, terdapat banyak elemen kemahiran generik yang boleh kita lihat sama ada di dalam mahupun di luar negara. Setiap satunya mempunyai bilangan dan elemen yang berbeza-beza. Walau bagaimanapun setiap elemen kemahiran generik tersebut adalah berdasarkan apa yang diperlukan oleh pihak industri.

Berdasarkan Kementerian Pengajian Tinggi (2006), kemahiran insaniah yang merangkumi aspek kemahiran generik mengandungi tujuh elemen utama untuk

dilaksanakan di IPT iaitu kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, kemoralan dan etika profesional dan kemahiran kepimpinan.

Menurut Ahmad *et. al.* (2005), kemahiran-kemahiran dan atribut-atribut yang diperlukan oleh pihak industri dikategorikan kepada tujuh kemahiran generik yang utama. Item-item kemahiran generik tersebut ialah kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah, membuat keputusan, kepimpinan, bekerja dalam kumpulan, interpersonal dan pengurusan.

Komunikasi boleh dibahagikan kepada tiga cara iaitu komunikasi secara lisan, bukan lisan dan bertulis. Hashim Fauzy (2001) dan Abdul Rashid dan Abdul Aziz (1999) mendefinisikan komunikasi sebagai proses penyampaian maklumat iaitu menghantar dan menerima mesej sekurang-kurangnya antara dua peserta sama ada dalam bentuk perkataan atau isyarat.

Komunikasi merupakan salah satu kemahiran generik yang diperlukan oleh setiap individu, sama ada di dalam dunia pendidikan mahupun pekerjaan. Swinburne University of Technology, Australia (2002), Sharma Thayabarasilan (2001), Glover (2000) dan Allan (1995) telah menyenaraikan kemahiran komunikasi sebagai salah satu daripada kemahiran generik yang telah disenaraikan. Kemahiran komunikasi ini perlu dimiliki oleh setiap pelajar bagi membantu mereka ketika menempuhi alam pekerjaan kelak. Ini kerana pihak industri sangat mementingkan pekerja yang mempunyai kemahiran komunikasi. Menurut Hishamuddin Mohd (2003), Dawe (2002) dan Ahmad *et. al.* (2001) majikan atau pihak industri sangat menekankan kemahiran komunikasi di kalangan pekerja mereka.



Menurut Hashim Fauzy (2001) dan Abdul Rashid dan Abdul Aziz (1999) adanya kemahiran komunikasi ini ialah bertujuan untuk menyediakan maklumat kepada setiap individu di dalam sesuatu organisasi dan untuk melakukan proses sosialisasi antara pekerja dalam budaya organisasi. Selain itu, kemahiran komunikasi juga bertujuan untuk pengawalan, inovasi dan integrasi yang impak akhirnya ialah untuk mencapai matlamat sesebuah organisasi.

Kemahiran komunikasi ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu kemahiran menulis dan membaca seperti kemahiran lisan dan penulisan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, kemahiran bercakap seperti mendengar dengan baik, memberi dan memahami arahan dengan jelas, menyampaikan dan memahami maklumat dengan tepat dan kemahiran mentafsir seperti mentafsir logo, simbol, warna dan isyarat dengan betul. Kemahiran-kemahiran ini telah dinyatakan dengan jelas oleh Universiti Canberra, Australia (2002).

Rougvie (1996) dan Stoner dan Wankel (1997) pula mendefinisikan penyelesaian masalah sebagai suatu set aktiviti yang luas serta terlibat dalam mencari dan melaksanakan suatu jalan tindakan untuk membetulkan situasi yang tidak memuaskan.

Kemahiran penyelesaian masalah juga merupakan salah satu kemahiran generik yang diperlukan oleh semua orang baik golongan pelajar mahupun pekerja. Menurut Radloff dan De La Harpe (2002), Glover (2000) dan Ariffin Ba'ada (1996) kemahiran penyelesaian masalah juga merupakan kemahiran yang boleh diterapkan ke dalam diri para pelajar semasa tempoh pengajian mereka supaya dapat dijadikan panduan ketika memasuki dunia pekerjaan pada masa hadapan.

Sementara itu, dalam dunia pekerjaan pula kemahiran penyelesaian masalah ini sangat diberi perhatian oleh majikan. Ini kerana pihak majikan atau industri sangat

memerlukan pekerja yang boleh bekerja dan menyelesaikan sesuatu masalah dengan baik. Perkara ini telah disokong oleh Zakaria Kasa (2004), Dawe (2002), Abdul Rahman Maiden (2002) dan Callum Chen (2002) yang melaporkan majikan selalunya mencari pekerja yang boleh menyelesaikan masalah, berkomunikasi dan berfikir secara kreatif dan analitikal.

Kemahiran penyelesaian masalah ini juga mempunyai tujuan-tujuan yang tertentu. Menurut Juhary Ali (1999), Stoner dan Wankel (1997) dan Rougvie (1996) antara tujuan kemahiran penyelesaian masalah ini diterapkan ialah untuk menerangkan sebarang masalah, memudahkan pendekatan logikal kepada penyelesaian masalah dan menimbang tindakan alternatif yang mungkin bagi mencapai matlamat organisasi. .

Dalam kemahiran penyelesaian masalah ini terdapat beberapa pecahan kemahiran dan atribut yang berkaitan. Antara kemahiran tersebut ialah boleh mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang dihadapi manakala atribut bagi kemahiran penyelesaian masalah pula ialah berani, yakin, sabar dan bermotivasi (Ahmad, 2007). Menurut Universiti of Canberra (2002) dan Pusat Perkembangan Kurikulum (1999), kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan kemahiran menyelesaikan masalah ini ialah seperti berikut iaitu boleh menyelesaikan masalah dengan pelbagai kaedah dan dalam pelbagai situasi, manakala atribut yang terlibat pula ialah kreatif.

Pembuatan keputusan pula boleh didefinisikan sebagai semua pemikiran dan tindakan yang membawa kepada satu pilihan, termasuk pemilihan itu sendiri bagi mengendalikan masalah tertentu yang menggabungkan di antara sejarah (masa lalu) dan situasi masa kini (Stoner dan Wankel,1997; Ahmad Atory, 1996).

Menurut Ahmad (2007), Dawe (2002) dan Allan (1995), kemahiran membuat keputusan adalah salah satu daripada kemahiran generik. Setiap individu memerlukan kemahiran ini untuk membuat apa jua keputusan di dalam kehidupan mahupun kerjaya mereka.

Di samping itu, kemahiran membuat keputusan ini juga diberi perhatian oleh pihak majikan. Perkara ini disokong oleh Zakaria Kasa (2004), Abdul Rahman Maiden (2002) dan Callum Chen (2002) yang menyatakan bahawa antara ciri-ciri yang perlu ada pada graduan untuk memasuki pasaran kerja ialah sikap dan nilai kerja, kerohanian dan nilai kemanusiaan, gigih, cekal, kepimpinan, berkebolehan mencipta, sikap suka mengkaji diri sendiri, mahir berkomunikasi, berkebolehan menyelesaikan masalah, boleh bekerja dalam kumpulan, berupaya menyesuaikan diri, suka mencuba sesuatu yang baru, mempunyai dorongan yang kuat, cekap membuat keputusan, cekal dan cekap mengurus, keinginan untuk belajar, sikap yang positif, keinginan untuk melakukan perubahan, boleh lentur dan mengadaptasi perubahan, kreatif dan inovasi, pemikiran kritikal dan mempunyai keyakinan diri.

Kemahiran membuat keputusan merupakan satu daripada aktiviti penting di dalam organisasi. Setiap keputusan yang diambil itu adalah bagi mencapai matlamat organisasi. Oleh itu, tujuan kemahiran membuat keputusan ini dipraktikkan adalah untuk mendapatkan keputusan yang baik dalam sesuatu perkara yang ingin diputuskan jawapannya. Ini kerana sesuatu keputusan itu akan dianggap baik jika ia berkesan apabila dilaksanakan (Ahmad Atory, 1996).

Bagi kemahiran membuat keputusan ini, terdapat beberapa kemahiran dan atribut yang telah dikenal pasti. Antara kemahiran tersebut ialah mengenal pasti keperluan untuk membuat keputusan, membuat keputusan pada masa yang tepat, menyenarai dan memilih alternatif terbaik untuk membuat keputusan dan menilai keputusan yang dibuat.

## RUJUKAN

Abdul Rahman Maiden (2002). "Pembentukan graduan kukuh pasaran terbuka". Kertas kerja di "Seminar Antara Sektor dan Institusi Pengajian Tinggi Awam." 6 Ogos 2002 di Hotel Equatorial, Bangi. Tidak diterbitkan.

Abdul Rahman Sulaiman (2006). "Meniti Arus: Data lengkap atasi segera pengangguran (11 Oktober 2005)" : National Economic Malaysian Council.

Abdul Rashid dan Abdul Aziz (1999). "Pengurusan Projek: Perspektif Industri Pembinaan." Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia. hlm. 8-102.

Ahmad Atory (1996). "Pengurusan Organisasi." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. hlm. 157-177.

Ahmad Esa (2007). "Penerapan Kemahiran Generik Menerusi Kokurikulum Di Politeknik Bagi Memenuhi Keperluan Industri di Malaysia". KUiTTHO: Tesis KUiTTHO.

Ahmad Esa, Jailani Mohd. Yunus, dan Noraini Kaprawi (2005). "Kebolehpercayaan Inventori Kemahiran Generik." *Jurnal Sains Sosial : Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn*. Bil. 1 hlm. 41-57.

Ahmad Esa, Jailani Mohd. Yunus, dan Noraini Kaprawi (2004). "Peranan Kokurikulum dalam Pembangunan Kemahiran Generik." *Jurnal Sains Sosial : Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn*. Bil. 1. hlm. 81- 94.

Ahmad Esa, Jailani Mohd. Yunus, dan Noraini Kaprawi (2001). "Memenuhi Keperluan Pihak Pengurusan Klang Terhadap Graduan ITTHO Dalam Aspek Kemahiran Teknikal: Satu Kajian Kes Di Zon Perindustrian Batu Pahat." Universiti Teknologi Malaysia: Penyelidikan Jangka Pendek.

Allan, S. (1995). "The Use And Value of Profiling On a BA Business Studies Placement." dlm Asitor, A. (1995): "Transfarable Skills In Higher Education." London: Kogan Page Limited.

Ariffin Ba'ada (1996). "Kajian Tentang Aktiviti Pembelajaran Dan Sikap Terhadap Sains Dengan Pemerolehan Kemahiran Generik Dalam Mata Pelajaran Sains Tingkatan 4." Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Sarjana Pendidikan.

Australian Chamber of Commerce and Industry (ACCI) (2002). *Employability Skills-an Employers' Perspective*.

<http://www.actchamber.com.au/PDF/EmployabilitySkillsOverview.pdf>. Dicapai pada 14 Mac 2006.

Bahagian Pendidikan Guru (2002). "Modul 4: Integrasi Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran." Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bailey, A. (1990). "Personel Transferable Skill For Employment: The Pole Of Higher Education." dlm Wujul, P. G. (1990). "Industry and Higher Education: Collaboration to Improve Students' Learning and Training." Buckingham: Open University Press.

Barbara, G. Dan Fidell, S. L. ( 2001). "Using Multivariate Statistics." Boston : Allyn and Bacon.

Briggs, H., & Hodgson, P. (2000). "Generic Skills Development in Undergraduate Engineering Education in Australia." <http://www.hi.is/joner/eaps/cs-gene4.htm>.  
dicapai pada 13 Ogos 2006.

Brown, B. L. (2002). "Generic Skills in Career and Technical Education." Kenny Road : Educational Resources Information Centre.

Buletin P&P [Versi Elektronik], Edisi 1( Jun 2004). "Pembinaan Atribut Graduan dan Penerapan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar UTM." Universiti Teknologi Malaysia : Centre for Teaching and Learning.

Callan, V. J. (2003). "Understanding Vocational Education and Training Teacher and Student Attitudes." Kensington Park: National Centre for Vocational Education Research (NCVER) Ltd.

Callum Chen (2002). "Quality K-workers Meet Global Challenges." Kertas kerja di "Seminar Antara Sektor dan Institusi Pengajian Tinggi Awam." 6 Ogos 2002 di Hotel Equatorial, Bangi. Tidak diterbitkan.

Cascio, W.F. (1995). "Managing Human Resources." New York:McGraw-Hill, Inc..

Chan Yuen Fook (2000). "Preparing Knowledge Workers for the Knowledge Economy." *Journal of Technology and Vocational Education : Globalization and Future Trends*.

Chua Yan Piaw (2006). "Asas statistik penyelidikan". Kuala Lumpur: McGraw Hill (M).

Coakes, S. J. and Steed, L.G. (2003). "SPSS Analysis Without Anguish : Version 11.0"  
1st ed. Australia : John Wiley & Sons Australia, Ltd.

Commonwealth Department of Education Science & Training (2002). "Employability Skills for the Future."  
[http://www.acci.asn.au/text\\_files/reports/Employability\\_Skills.pdf](http://www.acci.asn.au/text_files/reports/Employability_Skills.pdf). Dicapai pada  
14 Mac 2006.

Cotton, K. (2001). "Developing Employability Skills." School Improvement Research Series : Northwest Regional Educational Laboratory.

Dawe, S. (2002). "Focussing On Generic Skills In Training Packages." Kensington Park: National Centre for Vocational Education Research (NCVER) Ltd..

De Le Harpe (1999). "Quality and Generic (Professional) Skills." Curtin University of Technology. hlm. 1-16.

Encyclopedia Americana, Volume 15 (1984). USA : Grolier Incorporated.

Ensiklopedia Global, Edisi Milinium, Jilid 18, Kamus A-K (2001). Kuala Lumpur: SmartGenie Corporation Sdn. Bhd..

Green, F. (2001). "Market Value of Generic Skills." Canterbury : University of Kent.

Gibb, J. and Curtin, P. (2004). "Overview : Generic Skills : Research Readings."  
Kensington Park: National Centre for Vocational Education Research (NCVER) Ltd..

Glover, D. (2000). "The Introduction to Key Skills into Schools: Core or Casualty?"  
*Journal of Vocational Education and Training*, 52(1), ms. 63-77.

Goh Beng Fong, Cheam Chai Fong dan Yoong Suan (2002), A Pilot Study of The Multiple Intelligence Development Assessment Scales (MIDAS). Prosiding : Persidangan Kebangsaan Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia. hlm. 242-260.

Graduate Prospects Ltd. (2006). "Employability and myths uncovered."  
[http://www.prospects.ac.uk/cms/ShowPage/Home\\_page/What\\_do\\_graduates\\_do\\_2006/Employability\\_and\\_myths\\_uncovered/plpnmigXc](http://www.prospects.ac.uk/cms/ShowPage/Home_page/What_do_graduates_do_2006/Employability_and_myths_uncovered/plpnmigXc).  
 Dicapai pada 14 Mac 2006.

Henwood, R. (2006). "Careers In Malaysia."  
[http://www.asia.hobsons.com/regional\\_outlook/careers\\_in\\_malaysia](http://www.asia.hobsons.com/regional_outlook/careers_in_malaysia). Dicapai pada 14 Mac 2006.

Hishamuddin Mohd (2003). "Get Into The Business World." Kertas kerja di National IPT, Industry and Career Symposium 2003." 12-13 Julai 2003, di Century Mahkota, Melaka. Tidak diterbitkan.

Hashim Fauzy Yaacob (2001). "Komunikasi Antara Manusia." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. hlm. 217-248.

Jabatan Pendidikan Sabah (2000). "Beyond Excellence (BE)." Kota Kinabalu: Jabatan Pendidikan Sabah.

Jackson, W. (1997). "Tracking the Development of Generic Skills: The Experience of 1987 and 1992 St. F.X. Graduates." St. Francis Xavier University.

Juhary Ali (1999). "Asas Pengurusan." Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia. Hlm. 37-127.

Kamus Dewan (2005), Edisi Ketujuh. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.



PTTA UTHM  
 PERPUSTAKAAN TUN AMINAH



- Kearns, P. (2001). "Generic Skills for the New Economy." Kensington Park: National Centre for Vocational Education Research (NCVER) Ltd..
- Kementerian Pengajian Tinggi (2006). "Garis Panduan Modul Pembangunan Insan (Soft Skills) Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia."
- Kerajaan Malaysia (2001). "Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001 – 2010." Kuala Lumpur : Percetakan Nasional.
- Kori Ariff (2006). "IPTS Tidak Lebih Baik Berbanding IPTA." Kementerian Pengajian Tinggi.
- Kwok, M. (2004). "Disciplinary Differences in the Development of Employability Skills of Recent University Graduates in Manitoba : Some Initial Findings." *Higher Education Perspectives*, 5(1), ms. 60-77.
- Laila Musa (2001). "Persepsi Pelajar Diploma Akauntasi Terhadap Program Latihan Industri: Tinjauan Di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'azam Shah." KUiTTHO: Projek Sarjana.
- Lasonen, J. (2000). "Globalization and Future Trends in the Field of Technology and Vocational – Technical Education and Training." *Journal of Technology and Vocational Education : Globalization and Future Trends*, ms. 1-11.
- Ledia Anak Angul (2005). "Penguasaan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar Kejuruteraan Di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana.
- Lendell, K. (1997). "Management by Menu." London : Wiley and Sons Inco.

- Marzita Abdullah (2006). "Majikan Tuntut Peribadi Sempurna." Sisipan Khas Kementerian Pengajian Tinggi, Utusan Malaysia, 23 Disember 2006.
- Magendran Rajagopal (2003). "Kursus Di IPT Tidak Berkesan." Berita Harian, 22 Ogos 2003.
- Mohd Feroz Abu Bakar (2003). "Kualiti Graduan IT Tidak Tepati Kehendak Industri." Berita Harian, 14 Jun 2003.
- Mohd Izani Mohd Zain (2006). "Membina Mahasiswa Berkelas Dunia." Dewan Masyarakat, Februari 2006.
- Mohd Sallehin Abas (2005). "Penerapan Kemahiran Generik Di Institusi Pengajian Tinggi Teknikal : Kajian Kes Terhadap KUiTTHO dan MFI." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana.
- Mohd Shukri Ab Yajid (2006). "Untung IPTS Cuma Tampung Operasi: Pasaran Pekerja Bagi Graduan Lebih Besar berbanding Calon IPTA." Berita Harian, 28 Ogos 2006.
- Mohd Yusop dan Jamaluddin (2005). "Pengetahuan Bekerja Dalam Sistem Pendidikan Formal Ke Arah Melahirkan Pekerja Berketerampilan." *Jurnal Sains Sosial : Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn*. Bil. 1 hlm. 33 – 39.
- Mohd. .Zaki Kamsah (2004). "Developing Generic Skills in Classroom Environment : Engineering Students' Perspective." Centre for Teaching and Learning Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Majid Konting (2005). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003). "Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan."

Edisi Pertama 2003. Johor : Universiti Teknologi Malaysia.

National Centre for Vocational Education Research Ltd. (NCVER) (2003). "At a glance

: defining generic skills." <http://www.ncver.edu.au/generic.htm>. Dicapai pada 13  
Julai 2006.

Pusat Perkembangan Kurikulum (1999). "Program Sekolah Ke Kerjaya." Kuala

Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia. hlm. 5-6.

Radloff, A. dan De La Harpe, B. (2002). "Issues in Integrating Generic Skills into the

Curriculum." Dalam Proceedings of the 11th Annual Teaching Learning Forum.  
Perth : Edith Cowan University.

Raihanah Khudri, Halmi Samad dan Syura Radin Shamsuddin (2006). "Kemahiran

Insaniah Tingkatkan Nilai Pasaran Graduan." Sisipan Khas Kementerian  
Pengajian Tinggi, Utusan Malaysia, 23 Disember 2006.

Resnick, L.B. dan Wirt, J.G. (1996). "A School To Work Transition System-The Role of

Standars and Assessment" Dalam Barton, P.E. "Linking School and Work Roles  
for Standard and Assessment." 1st.ed. San Francisco : Joey Bass Inc. Publisher.

Robinson, J. P. (2000). "The Workplace." *Alabama Cooperative Extension System*.

v1(3).

Rougvie, A. (1996). "Project Evaluation and Development." London: The Mitchcell

Publishing Company Limited.

- Sharifah Noor Anita Syed Jaafar (2002). "Penguasaan Kemahiran Generik Dalam Memenuhi Kehendak Pasaran Kerja : Kajian Di Kalangan Pelajar Semester Akhir Diploma Kejuruteraan Di Politeknik Port Dickson." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana.
- Sharma Thayabarasilan (2001). "Meeting the Market Demand of Generic Skills: An Analysis of Generic Skills Acquisition Among Final Year Engineering Students of KUiTTHO." KUiTTHO: Projek Sarjana.
- Smith, E., & Comym, P. (2003). "The Development of Employability Skills in Novice Workers." Adelaide: NCVET Ltd. hlm. 16-39.
- Stoner, A.F. dan Wankel, C. (1997). "Management (terjemahan)." Petaling Jaya: Amiza Publishing Sdn. Bhd. hlm. 2-27.
- Swinburne University of Technology, Australia (2002). "Generic Skills of a Twenty First Century University Student." <http://www.online.swin.edu.au/sus/gem1.htm>.  
dicapai pada 13 Ogos 2006.
- Syuhada Choo Abdullah (2006). "100,000 Jalani Penilaian KI : Pelajar IPTA Perlu Mengikuti Program Pelengkap Sebelum Tamat Pengajian." Berita Harian, 23 Ogos 2006.
- The New Encyclopedia Britannica, Volume 6 (1993). Chicago : Encyclopedia Britannica Inc.
- Uma Sekaran. (2003). "Research Methods for Business." United States of America : John Wiley & Sons.



PTPTA UTHM  
PERPUSASTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Ungku Harun Al'Rasyid Ahmad (2003). "Preparation of Graduate in the Cyber World." Kertas kerja di "Nasional IPT, Industry and Career Symposium, 2003." 12-13 Julai 2003 di Century Mahkota, Melaka. Tidak diterbitkan.

Universiti James Cook, Australia (2004). "Teaching and Learning Development Generic Skills." [http://www.jcu.edu.au/office/tld/generic/gskills\\_o.shtml](http://www.jcu.edu.au/office/tld/generic/gskills_o.shtml). dicapai paa 21 Julai 2006.

University of Canberra (2002). "Generic Skills and Attributes of University of Canberra Graduates from Undergraduate and Postgraduate Coursework Cources." Canberra : University of Canberra.

Warwick, D. (1989). "Interpretation and Aims." dlm Harwich, D. (1989). "Linking Schools and Industry." Oxford: Basil Blackwel Ltd. hlm. 3-23.

Weagraff, P. J. dan Lynn, J. J. (1997). "Communication at Work". Dalam Herr, E.L. "Your Working Life-A Guide to Getting and Holding A Job." United States of America : Mc Graw-Hill Inc.

West, J. (2000). "Higher Education and Employment: Opportunities and Limitations in the Formation of Skills in a Malaysia Higher Education System." *Journal of Vocational Education and Training*, 52(4), ms. 573-585.

Wyber, J., & De La Harpe, B. (2000). "Generic Skills of Postgraduate Students Enhancement for a Career in Business." Curhin University of Technology. hlm. 1-10.

Zainudin Hassan, Mohd Anuar Abdul Rahman, Mohd. Najib Abdul Ghaffar dan Kamariah Zakaria (2005). "Penerapan kemahiran generik dalam pengajaran kejuruteraan di Sekolah Menengah Teknik di Terengganu. Johor : Universiti Teknologi Malaysia.

Zaiton Mohd. Hassan (2003). "Developing Graduate for the Global Market." Kertas kerja di "National IPT, Industri and Career Symposium 2003." 12-13 Julai 2003 di Century Mahkota, Melaka. Tidak diterbitkan.

Zakaria Kasa (2004). "Pendidikan Teknik dan Vokasional: Sejauh Mana Memenuhi Keperluan Pasaran Buruh Negara." Kertas kerja di Seminar Pemantapan PTV, 30 Disember 2004, di KUiTTTHO. Tidak diterbitkan.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH